

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Rahsia Bismillah

Bahawasanya nama Allah S.W.T ada mempunyai 3000 nama. Yaitu:

1. Sebanyak 1000 nama Allah S.W.T hanya diketahui oleh para Malaikat-malaikat sahaja.
2. Sebanyak 1000 nama Allah S.W.T hanya diketahui oleh para Nabi-nabi sahaja.
3. Sebanyak 300 nama Allah S.W.T tersebut di dalam kitab Taurat
4. Sebanyak 300 nama Allah S.W.T tersebut di dalam kitab Injil
5. Sebanyak 300 nama Allah S.W.T tersebut di dalam kitab Zabur
6. Sebanyak 99 nama Allah S.W.T tersebut di dalam kitab Al-Quran
7. Dan satu nama khas tersembunyi di dalam pengetahuan Allah S.W.T

Sekelian makna nama-nama Allah S.W.T yang 3000 itu ada terkandung di dalam ayat بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan jika sesiapa membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ nescaya mengurniakan Allah S.W.T kepadanya akan balasan pahala sebanyak pahala yang dikurniakan kepada orang yang membaca sekelian nama Allah S.W.T yang 3000 itu. Sesiapa banyak membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ pada mana-mana perkara yang dihajati, istimewa pula pada mendapatkati rezeki, nescaya memudahkan Allah S.W.T kepadanya dan mengurnia Allah S.W.T hebat pada hati mereka-mereka yang memandang kepadanya.

Amalan بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Barang-siapa membaca:

1. Membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 21 kali ketika hendak tidur.
Fadhilatnya: a. Terpelihara pada malam itu dari Syaitan, Jin & Manusia.
b. Terpelihara dari kecurian dan kebakaran pada malam itu.
c. Selamat daripada mati terkejut, bala dan penyakit.
2. Membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 100 kali selama 7 hari berturut-turut pada penyakit atau kena sihir
Fadhilatnya: a. Nescaya sembuh orang itu dari penyakit atau sihirnya.
a. Membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 113 kali pada hari Jumaat ketika khatib di atas mimbar dan berdoa bersama Khatib
Fadhilatnya: a. Setiap hajat yang dipohon kepada Allah S.W.T nescaya mengurniakan Allah S.W.T akan apa yang dihajatnya.
3. Membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 313 kali ketika terbit matahari pada hari Ahad dengan keadaan mengadap kiblat
Fadhilatnya: a. Mengurnia Allah S.W.T rezeki yang tiada terhingga banyaknya.
4. Membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 787 kali dengan hati yang suci akan hajat yang diredhai Allah S.W.T
Fadhilatnya: a. Berhasil apa yang dipohonkan.
b. Jika minta dijauhkan bala nescaya berhasil apa yang dipohonkan.
5. Membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 2500 kali tiap-tiap sembahyang subuh selama 40 hari berturut-turut dan ingat akan kelebihanannya.
Fadhilatnya: a. Dibuka Allah S.W.T akan hatinya mengetahui ilmu-ilmu.
6. Membaca بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 1500 kali pada setiap hari

Fadhilatnya: a. Nescaya dijadikan semua manusia tertuju kepadanya.

7. Membaca بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ 1000 kali pada tiap-tiap hari

Fadhilatnya: a. Memudahkan memperoleh apa yang dikehendakinya.

8. Membaca بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ 1000 kali pada suatu mangkuk air hujan dan diberi pada orang yang bodoh ketika terbit matahari berturut-turut selama 7 pagi.

Fadhilatnya: a. Teranglah hatinya dan mudah ingat apa-apa yang dipelajarinya.

9. Mengekalkan membaca بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ ketika memulakan sesuatu pekerjaan, ketika duduk, bangun, hendak berjalan, tidur, makan, mengambil wuduk, menulis, membaca dan lain-lain.

Fadhilatnya: a. Dimudahkan Allah S.W.T baginya keluar nyawa ketika hendak mati dengan tidak merasai apa-apa kesakitan.

b. Fasih lidahnya menjawab pertanyaan Munkar & Nakir.

c. Diperluaskan kuburnya oleh Allah S.W.T akan khuburnya dengan keadaan cahaya yang gilang-gemilang.

d. Pada hari kiamat keluar dari kuburnya dengan putih kulitnya dan bercahaya-cahaya

e. Mendapat kebahagiaan dan kesenangan dan melalui titian Siratul Mustaqim dengan sepantas kilat dan masuk ke syurga.

10. Berpuasa 3 hari berturut-turut mulai hari Rabu dan diakhir pada hari Jumaat serta pergi ke Masjid pada hari Jumaat dengan keadaan yang bersih dan bersedekah sekadar yang boleh, kemudian apabila selesai sembahyang Jumaat berdoa dengan doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِاسْمِكَ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَالِمُ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ هُوَ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ، وَأَسْأَلُكَ بِاسْمِكَ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سَنَةٌ وَلَا نَوْمٌ الَّذِي مَلَائِكَةُ عَظَمَتُهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَأَسْأَلُكَ بِاسْمِكَ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَنَتَ لَهُ الْوُجُوهُ وَخَضَعَتْ لَهُ الرِّقَابُ وَخَشَعَتْ لَهُ الْأَبْصَارُ، وَجَلَّتِ الْقُلُوبُ مِنْ خَشْيَتِهِ، ذَرَفَتْ مِنْهُ الْعُيُونُ،
إِنْ تُصَلِّيَ عَلَيَّ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ وَإِنْ تُعْطِنِي حَاجَتِي (.....)

(Sebut apa yang dihajati) nescaya dimakbul akan hajatnya oleh Allah S.W.T .

1. Jika mereka makan tanpa بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ, Shaitan&Iblis yang dahulu makan daripadanya. Walaupun mereka makan, tiadalah rasa kenyang."

Sabda Nabi Tentang بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ (Ertinya)

1. " Allah S.W.T tiada menolak permintaan orang yang berdoa dimulai dengan بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ "

2. " Sesiapa daripada kamu hendak menulis jadikanlah بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ pada awal tulisan kamu"

3. " Sesiapa yang menulis بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ dengan tidak dihapuskannya nescaya mengurnia Allah S.W.T kepadanya 1000 kebajikan dan menghapuskan 1000 kejahatan.

Fadhilat Menulis بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ Di Atas Kertas

1. Barangsiapa yang menulis بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dengan tulisan yang elok kerana memuliakan Allah S.W.T nescaya mengampun Allah S.W.T akan dosanya.
2. Barangsiapa yang mengutip kertas yang ada padanya بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ kerana takut dipijak, nescaya mengurnia Allah S.W.T kepadanya masuk kumpulan As-Sadiqin. Dan setengah kelebihan بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ itu ialah surah di dalam Al-Quran dimulakan dengannya.
3. Jika ditulis بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 21 kali pada suatu kertas kemudian diberi pakai kepada budak-budak kecil yang selalu terkejut ketika tidur nescaya hilang penyakitnya itu.
4. Barangsiapa menulis بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 35 kali pada suatu kertas kemudian digantung di dalam rumah, terpelihara rumah itu daripada Shaitan, Jin dan diberi kepadanya berkat yang banyak, memelihara oleh Allah akan hartanya dan usahanya serta daripada kesusahan.
5. Barangsiapa menulis بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ 101 kali pada suatu kertas yang putih, kemudian tanamkan dalam kebun nescaya subur tumbuhanya dan terpelihara daripada musuh-musuhnya.

Kuasa yang ada pada بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ menurut Ariffin Billah -Shekh Nazim Aidil Al-Haqani

Semua Kuasa adalah dari Allah S.W.T dan kita mestilah memohon padanya untuk mendapatkan bantuannya, kerana kita memerlukan, kita adalah insan yang lemah.

Allah S.W.T telah memerintahkan kekasihnya Nabi Muhammad S.A.W memberitahu pada umatnya, apa sahaja yang tidak bermula dengan namanya yang suci " بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ " tidak akan mendapat bantuan dari Allah S.W.T. dalam erti kata lain tidak akan membuahkan hasil dan akan gagal. Dengan menyebut nama Allah yang suci ini, kamu akan mendapat faedahnya dari tindakan kamu dan segala kesulitan akan pergi dari kamu. Barangsiapa yang merasa lemah hendaklah menyebutnya dan kuasa akan datang kepada badannya dan ke dalam hatinya.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ adalah kunci yang sangat penting untuk membuka segala khazanah di dalam syurga dan di bumi. Dan ianya adalah pembuka kunci bagi segala ilmu pengetahuan. Allah S.W.T telah meletakkan 3000 namanya yang suci didalamnya. 1000 nama hanya diketahui pada malaikat, 1000 nama hanya diketahui pada para nabi-nabinya, 999 nama dalam 4 buah kitab suci dan 1 namanya yang paling mulia, semuanya terkandung di dalam بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .

Barangsiapa yang tekah berjaya sampai pada rahsia بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ akan dianugerahkan kuasa yang sangat ajaib. Kita sebagai hambanya haruslah menyebutnya tidak kurang dari 100 kali sehari. Jika seseorang itu menyebutnya selama 40 hari, dia akan berasa akan kuasanya dan sedikit perubahan akan berlaku pada dirinya. Khususnya jika dia menyebutnya 1000 kali diantara fajar dan terbenamnya matahari... Dia akan dibukakan alam yang tersembunyi, Alam Malakut yang indah akan dilihatnya. Bergantung pada ketebalan hijab pada hatinya, dari 1 X40 hari hinggalah 7X40 hari, mesti dibukakan padanya.... Jika tidak hatinya masih penuh dengan Dunia dan cubalah buang dunia pada hatinya dan cuba semula. Ini adalah peraturan yang tidak mungkin salah. Suatu hari nanti pasti akan terbuka juga kerana ianya sangat berkuasa.....

Setiap kali kita menyebut بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ bermakna kamu mengingati Allah S.W.T " Oh Tuhanku, aku mengingatimu" dan Allah S.W.T akan berkata " Oh Hambaku, aku mengingatimu!".

Jangan lupa, jika kamu lupa, kamu akan dilupakan.

